

Merujuk persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang jumlah laporan yang dapat dibahas oleh Ahli Parlimen, tiada peruntukan didalam Akta 597 yang mengkehendaki laporan tahunan SUHAKAM tersebut dibahasakan. Namun, ini tidak bermakna Kerajaan menghalang mana-mana ahli-ahli Parlimen dari membahasakan laporan tahunan tersebut kerana masih terdapat ruang sedia ada yang disediakan oleh Dewan Rakyat bagi membahasakannya. Ruang yang dimaksudkan ini termasuklah ketika sesi perbahasan Titah Diraja pada sesi pembukaan Parlimen, sesi pembentangan bajet tahunan dan juga sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan atau bukan lisan oleh Menteri-menteri. Berdasarkan laporan tahunan yang telah dikemukakan, Kerajaan mulai tahun 2006 melalui agensi di bawah koordinasi Bahagian Hal ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri telah mengemukakan maklumbalas secara bertulis terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM. Maklumbalas ini mengandungi jawapan-jawapan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan tahunan tersebut dan dibawa perhatian ke Jemaah Menteri seterusnya dibawa ke pengetahuan ahli-ahli Parlimen dan SUHAKAM sendiri.

Bagi menggalakkan minat serta perhatian ahli-ahli Parlimen kepada isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan tahunan, Kerajaan menggalakkan Suhakam agar lebih kerap melakukan pertemuan, dialog serta *engagement* agar ahli-ahli Parlimen dapat memahirkan diri dengan *subject* dan *complexities* isu-isu yang ditimbulkan oleh laporan tahunan tersebut. Usaha sedemikian diharap akan dapat mempertingkatkan lagi rasa minat dan perhatian di kalangan ahli-ahli Parlimen terhadap isu-isu hak asasi manusia yang berkait rapat dengan kehidupan seharian manusia.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] melalui Seksyen 21(1) menjelaskan keperluan pihak Suhakam mengemukakan suatu laporan tahunan kepada Parlimen mengenai segala aktiviti di sepanjang tahun yang dilaporkan itu. Manakala Seksyen 21 (2) pula menetapkan laporan tersebut hendaklah mengandungi antara lain aktiviti-aktiviti utama yang telah dijalankan oleh Suhakam seperti kajian tematik, seminar, ceramah, sesi perundingan, dialog serta persidangan peringkat nasional dan antarabangsa. Semenjak penubuhan Suhakam pada tahun 2000, sebanyak 15 Laporan Tahunan telah dibentangkan oleh pihak Suhakam kepada Parlimen. Pelaporan aktiviti-aktiviti ini juga adalah selaras dengan fungsi dan kuasa utama SUHAKAM di bawah seksyen 4 Akta SUHAKAM 1999.

Bagi tahun 2014, terdapat beberapa isu-isu utama telah diberi tumpuan oleh SUHAKAM. Isu-isu tersebut antara lain adalah Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia (Laporan NI), kematian di dalam Tahanan Polis yang mana mengandungi laporan penuh kajian berhubung punca kematian dalam tahanan, pemerhatian dan hasil penemuan (findings) SUHAKAM, pengenalan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP) yang bermatlamat memastikan skop pelan boleh dilaksanakan dan dihasilkan berdasarkan konsultasi dengan semua pihak berkepentingan serta mengutamakan penyertaan kepada triti utama hak asasi manusia antarabangsa dan syor-syor Penilaian Penggalan Sejahtera (UPR) Malaysia. Selain itu, hak kepada Kesihatan di Penjara, Pendidikan Hak Asasi di Sekolah, alternatif kepada penahanan imigresen terhadap Kanak-kanak serta Kebebasan Berhimpun turut diberi perhatian.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI
HABIBOLLAH (LIMBANG)**

TARIKH : 18 MEI 2015, ISNIN

SOALAN : 26

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pertimbangan untuk membina sebuah Kolej MARA di Parlimen Limbang sebagai pemangkin untuk melahirkan modal insan dari kawasan utara Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, pada masa sekarang terdapat enam (6) buah Kolej MARA yang terdapat di seluruh negara iaitu Kolej MARA Seremban, Kolej MARA Banting, Kolej MARA Kulim, Kolej MARA Kuala Nerang dan Kolej MARA KETENGAH. MARA akan mengkaji keperluan cadangan untuk membina sebuah Kolej MARA di Parlimen Limbang dan akan mengemukakan cadangan ini kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan.